



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA**  
**PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA**  
Blok C1 - C3, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-80008000  
Faks (Fax): 603-88892181  
Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

Ruj. : JPA(I)S.175/8/26-58 Klt.5 ( 1 )  
Tarikh : 26 Mac 2018 / 8 Rejab 1439H

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Ketua-Ketua Jabatan/Perkhidmatan Persekutuan

Ketua-Ketua Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PROGRAM SANGKUTAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN DI SYARIKAT-SYARIKAT SWASTA REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN TAHUN 2018**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita Jabatan ini mempelawa pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan pencalonan daripada kalangan pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) di Kementerian/ Jabatan/ Agensi YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk mengikuti Program Sangkutan Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan Di Syarikat-syarikat Swasta Republik Persekutuan Jerman Tahun 2018.

3. Objektif program ini adalah untuk mendedahkan pengurus-pengurus penjawat awam kepada persekitaran kerja, teknik-teknik pengurusan dan pemikiran sektor korporat Republik Persekutuan Jerman khususnya dan Eropah amnya. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk menjalinkan serta mengeratkan rangkaian perhubungan, kerjasama dan perantaraan perkhidmatan awam Malaysia dengan sektor korporat antarabangsa.

**4. Tarikh Tutup Permohonan/Pencalonan**

- 4.1 Tarikh tutup permohonan *online* bagi pegawai yang ingin memohon adalah pada **13 April 2018**.
- 4.2 Tarikh tutup pencalonan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan adalah pada **13 April 2018**.

**Peneraju Transformasi Perkhidmatan Awam**  
*Driving Transformation In The Public Service*



PENGIKTIKIRAN MS ISO 9001:2008  
NO. SIJIL : MY-AR-4697

4.3 Semakan panggilan ke sesi temuduga akan diumumkan di Portal JPA, <http://esilav2.jpa.gov.my> pada bulan Mei 2018.

4.4 Keputusan permohonan yang berjaya akan diumumkan di Portal JPA, <http://esilav2.jpa.gov.my> pada bulan Ogos 2018.

5. Keterangan lanjut mengenai Program Sangkutan Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan Di Syarikat-syarikat Swasta Republik Persekutuan Jerman Tahun 2018, syarat-syarat permohonan dan tatacara pencalonan boleh diperolehi dengan melayari portal [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my) atau <http://esilav2.jpa.gov.my> mulai tarikh iklan ini disiarkan.

6. Pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan sebelum dihantar ke Jabatan ini di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Aras 3, Blok C2, Kompleks C

**62510 PUTRAJAYA.**

**(u.p : Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)**

Semua pertanyaan atau kemusykilan dalam urusan ini, bolehlah diajukan kepada

**Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan**

**Telefon : 03 – 8885 3546**

**Emel : [ldp@jpa.gov.my](mailto:ldp@jpa.gov.my)**

7. Kerjasama yang diberikan oleh pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam menjayakan program ini didahului dengan ucapan terima kasih jua.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

  
**(AZURA BINTI AZIZ)**

Bahagian Pembangunan Modal Insan  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
**MALAYSIA**

**SYARAT PERMOHONAN DAN TATACARA PENCALONAN  
PROGRAM SANGKUTAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN DI  
SYARIKAT-SYARIKAT SWASTA REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN  
TAHUN 2018**

**1. Syarat-syarat pencalonan adalah seperti berikut:**

**1.1 Syarat-Syarat Kelayakan**

- (i) Berumur tidak melebihi **56 tahun pada 1 Januari 2018**;
- (ii) Pegawai-pegawai **Kumpulan Pengurusan dan Profesional** yang berada di dalam **Gred 48-54** dan telah berkhidmat **sekurang-kurangnya 10 tahun dalam perkhidmatan awam (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) pada 1 Januari 2018**;
- (iii) Mencapai markah **Laporan Nilai Prestasi Tahunan purata 85 markah ke atas bagi tempoh genap 3 tahun perkhidmatan terkini berturut-turut (2015, 2016 & 2017)**. Penilaian setahun **LNPT mestilah genap 12 bulan**;
- (iv) Mempunyai potensi dan kewibawaan yang tinggi dan merupakan pelapis dalam menerajui organisasi;
- (v) Bersih daripada sebarang pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- (vi) Telah mengisytiharkan harta;
- (vii) Menguasai penggunaan Bahasa Inggeris dengan baik; dan
- (viii) Tidak tersenarai dalam senarai hitam JPA.

**1.2 Pencalonan daripada pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam bidang-bidang berikut adalah digalakkan:**

- (i) Pengurusan Ekonomi/Kewangan;
- (ii) Pengurusan Sumber Manusia/Latihan (termasuk *industrial training*);

- (iii) Pengurusan Inovasi, Kualiti dan Produktiviti;
- (iv) Pengurusan Perniagaan, Perdagangan dan Perindustrian;
- (v) Pengurusan Pengangkutan;
- (vi) Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan;
- (vii) Pengurusan Alam Sekitar;
- (viii) Perancangan dan Pembangunan Air dan Tenaga;
- (ix) Pengurusan Sains dan Teknologi;
- (x) Perancangan dan Pembangunan Infrastruktur;
- (xi) Penyelidikan dan Pembangunan;
- (xii) Pemasaran;
- (xiii) Pengurusan Teknologi / Industri; dan
- (xiv) Pengurusan Teknologi Maklumat.

## 2. Tatacara Permohonan/Pencalonan:

### 2.1 Tanggungjawab Pegawai

- 2.1.1 Pegawai-pegawai yang berminat hendaklah mengisi borang permohonan secara dalam talian di laman web JPA <http://esilav2.jpa.gov.my>. Permohonan dibuka **mulai 26 Mac 2018 hingga 13 April 2018**.
- 2.1.2 Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dimuat turun dan dicetak untuk dihantar kepada Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan masing-masing dengan disertakan bersama-sama:
- (i) Salinan Ijazah Pertama atau kelayakan yang setaraf dengannya;
  - (ii) Salinan Ijazah Sarjana (jika ada);
  - (iii) Salinan Ijazah Ph.D (jika ada);
  - (iv) Salinan Senarai Tugas (**disediakan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris**);
  - (v) Borang CV (**Appendix A**);
  - (vi) Borang JPA(L)LDP 1A/96 (**LAMPIRAN B**); dan
  - (vii) Borang Perakuan Ketua Jabatan (**LAMPIRAN C**).
- 2.1.3 Permohonan dengan **dokumen yang tidak lengkap dan tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan serta tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan** tidak akan diproses untuk tujuan pertimbangan.

## 2.2 Tanggungjawab Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan

- 2.2.1 Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan untuk memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja; dan
- 2.2.2 Semua pencalonan hendaklah diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005 dengan menggunakan **Borang JPA(L)LDP 1A/96 (LAMPIRAN B)**. Hanya pencalonan yang disokong dan diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan sahaja yang perlu dikemukakan kepada Jabatan ini. Perakuan pencalonan mestilah dikemukakan bersama-sama **dokumen-dokumen di Perenggan 2.1.2.**

<b>PROPOSED SCHEDULE</b>
--------------------------

**12<sup>th</sup> PRIVATE SECTOR MANAGEMENT TRAINING AND ATTACHMENT  
PROGRAMME AT GERMAN COMPANIES FOR SENIOR MALAYSIAN  
PUBLIC SECTOR EXECUTIVES 2018**

<u>No</u>	<u>Event</u>	<u>Date</u>	<u>Day</u>
1.	<b>Registration at *INTAN * National Institute of Public Administration</b>	18 September 2018	
2.	<b>Preparatory Course at *INTAN</b>	21 - 28 September 2018	(12)
3.	<b>Depart for Frankfurt</b>	29 September 2018	(1)
4.	<b>Arrive in Frankfurt</b>	30 September 2018	(1)
5.	<b>Seminar at Carl Duisberg Centren (CDC) in Cologne, Germany</b>	1 – 7 Oktober 2018	(7)
6.	<b>Attachment at a German Company in Germany</b>	8 – 21 Oktober 2018	(14)
7.	<b>Benchmarking Visits and Final Seminar in Frankfurt</b>	22 – 26 Oktober 2018	(5)
8.	<b>Depart for Kuala Lumpur</b>	27 Oktober 2018	(1)
9.	<b>Arrive in Kuala Lumpur</b>	28 Oktober 2018	(1)
10.	<b>Preparation for Project Presentation at *INTAN</b>	29 - 30 Oktober 2018	(2)
11.	<b>Project Presentation</b>	30 Oktober – 1 November 2018	(2)
12.	<b>Closing Ceremony</b>	1 November 2018	
<b>**Total duration of programme: 46 days/ 7 weeks</b>			

**12<sup>th</sup> PRIVATE SECTOR MANAGEMENT TRAINING AND ATTACHMENT  
PROGRAMME AT GERMAN COMPANIES FOR SENIOR MALAYSIAN  
PUBLIC SECTOR EXECUTIVES 2018**

---

**APPLICANT'S CV FORM**

Name of applicant :  
Title or Position :  
Division/  
Department :  
Grade of Post :  
Tel. (office) :  
Fax :  
E-mail :  
I/C No. :  
Date of Birth :  
Tel. (House) :

**Please describe your main function/role and other responsibilities within the organization (please type).**

---

---

---

---

---

---

---

---

**Please explain your reasons for participating and benefits you expect from this programme : (please type).**

---

---

---

---

---

---

---

---

*(Please continue on supplementary pages if necessary)*

Signature of applicant : \_\_\_\_\_

Date : \_\_\_\_\_